

PERANAN MASJID DALAM MENYANTUNI ASNAF AL-RIQAB

THE ROLES OF THE MOSQUE IN SUPPORTING THE ASNAF AL-RIQAB

Syarul Azman Shaharuddin¹, Norsaleha Mohd Salleh², Abur Hamdi Usman³, Alawiyah Tengah⁴, Aemy Elyani Mat Zain⁵, Nur Uswah Ahmad Fauzi⁶ & Raden Saidatul Akmar Hasnan^{7*}

¹ Pensyarah Kanan, Universiti Islam Selangor, syarulazman@uis.edu.my

² Pensyarah Kanan, Universiti Islam Selangor, norsaleha@uis.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Universiti Islam Selangor, aburhamdi@uis.edu.my

⁴ Pensyarah, Universiti Islam Selangor, alawiyah@uis.edu.my

⁵ Pensyarah, Universiti Islam Selangor, aemyelyani@uis.edu.my

⁶ Pensyarah, Universiti Islam Selangor, nuruswah@uis.edu.my

⁷ Pelajar Ijazah Sarjana Usuluddin dan Pemikiran Islam, Universiti Islam Selangor, 23mt04002@student.uis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 05 Ogos 2024 | Selepas Pembedaan: 21 Oktober 2024 | Diterima untuk terbit: 29 November 2024

Abstrak

Masjid adalah sebuah institusi yang menjadi pusat dakwah dan tarbiyah kepada orang-orang Islam. Namun, masjid juga acap kali menjadi lokalisasi untuk menempatkan pejabat zakat bagi menguruskan zakat khususnya kepada golongan asnaf. Asnaf *al-riqāb* merupakan salah satu daripada lapan golongan yang berhak menerima zakat sebagaimana termaktub dalam surah al-Tawbah [9] ayat 60. Pada zaman dahulu, *al-riqāb* dimaksudkan dengan hamba *mukatab* iaitu hamba yang dijanjikan dengan perjanjian yang sah oleh tuannya untuk bebas daripada belenggu dengan syarat membayar sejumlah wang. Setelah beredarnya zaman, para ulama kontemporari meluaskan maknanya sebagai tawanan perang, orang Islam yang diculik, umat Islam yang dijajah dan umat Islam yang terbelenggu. Oleh itu, apakah sebenarnya peranan masjid dalam menyantuni golongan *al-riqāb*? Apakah kepentingan dan cabarannya? Adakah masjid hanya terhad untuk memberi bantuan dari segi kewangan? Justeru, makalah ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan masjid terhadap asnaf *al-riqāb* dan menghuraikan kepentingan dan cabaran bagi masjid untuk menyantuni asnaf *al-riqāb* ini. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif. Data yang digunakan diperolehi daripada kajian kepustakaan dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan tekstual. Dapatan kajian ini mendapati bahawa masjid berperanan penting dalam membantu asnaf *al-riqāb* agar dapat membantu mereka dari terbelenggu dalam masalah akidah dan sosial. Hasil kajian ini mencadangkan strategi mengatasi cabaran yang dapat membantu pihak pengurusan masjid agar optimis dalam menyantuni asnaf *al-riqāb*.

Kata kunci

Masjid, *al-Riqāb*, Peranan, Kepentingan, Cabaran

Abstract

A mosque is an institution that serves as a center for Islamic propagation (dakwah) and education (tarbiyah) for Muslims. However, mosques also frequently function as a location for zakat offices to manage zakat distribution, especially to the asnaf groups. Asnaf al-riqāb is one of the eight groups entitled to receive zakat as stipulated in Surah Al-Tawbah [9] verse 60. In the past, al-riqāb referred to mukatab slaves, who were slaves promised freedom through a legitimate agreement with their master upon paying a certain amount of money. Over time, contemporary scholars have expanded this definition to include prisoners of war, kidnapped Muslims, oppressed Muslims, and Muslims in bondage. Therefore, what exactly is the role of mosques in supporting the al-riqāb group? What are the importance and challenges? Is the mosque limited to providing financial aid? Hence, this paper aims to identify the role of mosques towards asnaf al-riqāb and elaborate on the importance and challenges for mosques in supporting this group. This study is qualitative in nature. The data used is obtained from library research and analyzed using content and textual analysis methods. The findings of this study prove that mosques play a crucial role in helping asnaf al-riqāb to free themselves from the shackles of religious and social problems. The study proposes strategies to overcome the challenges faced by mosque management to encourage them to be proactive in addressing the needs of the asnaf al-riqāb..

Keywords

Mosque, al-riqāb, Role, Importance, Challenges

1.0 Pendahuluan

Masjid merupakan tempat yang dibina untuk beribadah dan menghambakan diri kepada Allah Azza Wa Jalla. Selain itu, masjid juga menjadi tempat berkumpulnya orang-orang Islam untuk mengenali antara satu sama lain dan berkongsi kegembiraan dan masalah. Oleh itu, masjid adalah amat penting kerana telah menjadi sebahagian dalam hidup umat Islam. Hal ini dibuktikan menerusi sirah penghijrahan Rasulullah S.A.W dari Mekah ke Madinah yang jelas menunjukkan baginda tidak menempati tempat lain melainkan setelah membina sebuah masjid. Masjid tersebut dinamakan sebagai Quba dan merupakan masjid pertama dalam sejarah Islam (ASP Yaqub AlHassan, 2015).

Masjid juga berperanan penting dalam membangunkan rohani dan peradaban semasa masyarakat (Yusuf et al., 2017). Al-Akiti et al. (2021) menjelaskan bahawa ahli jawatankuasa berperanan penting dalam usaha penambahbaikan program pendidikan masjid di sekitar komuniti Gombak, Selangor. Kajian tersebut menyesuaikan kurikulum untuk menyantuni kepelbagaian masyarakat dan penambahbaikan berterusan pengajian melalui maklum balas yang diperolehi dari masyarakat setempat.

Selain itu, menurut Usman (2020), kepentingan menghidupkan semula peranan dan fungsi masjid sebagai pusat dakwah dan pemupukan aktiviti kemasyarakatan berdasarkan kepentingan sejarah masjid dalam Islam. Ia menekankan peranan strategik Nabi Muhammad dalam mendirikan masjid dan berfungsi secara optimum dalam menyampaikan ajaran Islam secara berkesan. Kemerostan dalam peranan dan fungsi masjid mendorong keperluan untuk dihidupkan semula untuk menjadikan masjid sebagai

pusat ibadat, budaya Islam, dan pembangunan masyarakat, seperti yang dicontohkan pada zaman Nabi Muhammad.

Sementara itu, menurut Baru et al (2011), kajian tertumpu kepada menilai persepsi jemaah terhadap peranan dan tanggungjawab Imam di masjid-masjid di Terengganu, Malaysia. Ia meliputi dimensi seperti tugas rasmi, pentadbiran masjid, dan khidmat masyarakat. Penemuan menunjukkan persepsi positif terhadap Imam menunaikan tugas rasmi mereka, mengimamkan solat, menyampaikan khutbah, dan memberikan kuliah agama. Selain itu, para jemaah melihat Imam sebagai pentadbir yang berkesan dalam aktiviti masjid.

Meskipun begitu, bagaimana dengan peranan masjid dalam menyantuni asnaf *al-riqāb*? Apakah sebenarnya peranan masjid dalam menyantuni golongan *al-riqāb*? Apakah kepentingan dan cabarannya? Adakah masjid hanya terhad untuk memberi bantuan dari segi kewangan? Justeru, makalah ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan masjid terhadap asnaf *al-riqāb* dan menghuraikan kepentingan dan cabaran bagi masjid untuk menyantuni asnaf *al-riqāb* ini.

2.0 Tinjauan Literatur

2.1 Definisi Masjid

Di dalam al-Quran, perkataan 'masjid' telah disebut sebanyak 28 kali. Ironinya, perkataan 'masjid' berasal daripada akar kata bahasa Arab iaitu "*sajada- yasjudu- sujūdan*" yang bermaksud tunduk, patuh dan ta'at serta hormat (Rifa, 2016). Masjid merupakan *isim makan* (kata yang menunjukkan tempat) iaitu tempat-tempat orang yang bersujud di mana seseorang meletakkan lutut dan tangannya ke lantai serta turut meletakkan hidung dan dahinya menyentuh lantai (ASP Yaqub AlHassan, 2015).

Apabila masjid telah dibina, maka ia tidak dimiliki oleh mana-mana makhluk hidup kerana pemiliknya ialah Tuhan Yang Maha Esa. Masjid yang diungkapkan sebagai "rumah Tuhan" bukan sahaja secara simbolik tetapi benar dari segi fakta dalam syariat Islam. Umat Islam seluruh dunia berhak sama-sama menghadiri dan menggunakan masjid serta kemudahannya (Abbas. Altaf, 2019). Oleh itu, dapat difahami bahawa masjid merupakan pusat tumpuan umat Islam untuk beribadah dan melakukan aktiviti yang bermanfaat di samping memupuk perpaduan antara orang-orang Islam.

2.2 Definisi Asnaf *al-riqāb*

Definisi asnaf *al-riqāb* terbahagi kepada dua kategori iaitu ulama *mutaqaddimun* (terdahulu) dan ulama *muta'akhirun* (terkini).

Menurut ulama *mutaqaddimūn*, *al-riqāb* adalah *al-mukātib* (hamba sahaya yang melakukan perjanjian bebas) (Ibnu Kathir, 2008). Pendapat yang dipegang oleh Imam Ahmad, Imam Malik dan Ishaq menyatakan bahawa *al-riqāb* lebih umum daripada hanya memberi bahagian zakat kepada orang *al-mukātib* atau membeli seorang budak lalu dimerdekakan (Ghoffar, Mu'thi, & Al-Atsari, 2004). Selain itu, menurut Imam al-Qasimi (1997), *al-riqāb* bermaksud membebaskan hamba dengan membawa wang untuk menebusnya. Hamba atau tawanan yang dimerdekakan dengan tulisan dianggap sebagai hamba.

Ulama *muta'akhirūn* seperti Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili (2013) menjelaskan bahawa asnaf al-riqāb merujuk kepada memerdekakan para budak mukatab iaitu dengan menggunakan sebahagian harta zakat untuk dibayar secara ansuran atau dengan membeli budak lalu membebaskannya serta menebus para tawanan perang.

Realitinya di Malaysia, perluasan tafsiran asnaf al-riqāb telah berlaku untuk memperkasakan sosio-ekonomi umat Islam. Menurut fatwa negeri Selangor yang telah diwartakan iaitu fatwa “Jenis Penerima Asnaf *al-riqāb* Negeri Selangor dan Apa-Apa Yang Berkaitan Dengannya” telah menyenaraikan golongan yang berhak menerima zakat melalui bahagian al-riqāb. Golongan itu ialah:

- i. Masalah Sosial: Mereka yang menghadapi masalah sosial seperti ketagihan dadah (penagih dan bekas penagih dadah), jenayah syariah (zina, judi, arak, khalwat, buang anak, mengandung luar nikah dan sebagainya), gaya hidup songsang (LGBT, pengkid, gigolo dan sebagainya), juvana dan penyakit kronik.
- ii. Masalah akidah: Mereka yang terbelenggu dengan masalah syirik dan khurafat serta usaha memurnikan akidah orang Islam yang terpesong (Rosele et al., 2021).

2.3 Konsep Peranan Masjid dalam Islam

Masjid merupakan sebuah tempat ibadah khusus bagi umat Islam dari serata dunia. Ibadah yang dimaksudkan bukanlah hanya solat semata-mata tetapi lebih luas daripada itu. Hal ini berdasarkan firman Allah dalam surah an-Nur ayat 36-37 yang bermaksud:

“(Cahaya itu) di rumah-rumah yang di sana telah diperintahkan Allah untuk memuliakan dan menyebut nama-Nya, di sana bertasbih (menyucikan) nama-Nya pada waktu pagi dan petang. Orang yang tidak dilalaikan oleh perdagangan dan jual beli dari mengingat Allah, melaksanakan salat, dan menunaikan zakat. Mereka takut kepada hari ketika hati dan penglihatan menjadi guncang (hari Kiamat)”.

Berdasarkan ayat di atas, jelas bahawa masjid bukan sekadar tempat untuk solat tetapi turut mempunyai pelbagai fungsi yang membantu pembangunan rohani dan fizikal masyarakat dan individu (Azlina et al., 2016). Berikut merupakan antara peranan lain masjid:

2.3.1 Masjid sebagai Pusat Pendidikan Formal dan Non-Formal

Menurut Halim Tamuri (2021), masjid berperanan sebagai pusat pendidikan formal dan non-formal. Antara pendidikan non-formal yang lazim dilaksanakan di masjid ialah seperti kuliah agama, kelas-kelas al-Quran, forum, seminar dan kelas fardhu ain. Program-program ini telah disusun dan dijadualkan oleh pihak ahli jawatankuasa masjid. Selain itu, program-program ini juga tidak menawarkan sijil pengiktirafan atau kelulusan daripada pihak berkuasa. Namun begitu, masjid boleh dijadikan pusat pendidikan formal dengan berkolaborasi bersama sekolah-sekolah berdekatan khususnya dalam subjek Pendidikan Islam.

2.3.2 Masjid sebagai Tempat Rujukan

Masjid juga harus menjadi tempat rujukan untuk isu-isu dalam kehidupan masyarakat Islam sehingga ia dapat menyediakan jawapan yang munasabah dan Islamik kepada setiap persoalan. Malahan ia juga berfungsi sebagai tempat kaunseling untuk membantu

masyarakat Islam menangani pelbagai isu. Justeru, masjid berperanan penting sebagai pusat bimbingan dan kaunseling bagi membantu pembentukan generasi muslim yang gemilang. Antara strategi pelaksanaan bimbingan kaunseling ialah persediaan pihak pengurusan, pelantikan jawatankuasa kaunseling atau kaunselor, latihan pembimbing, penyediaan bilik kaunseling dan rakan masjid (Azlina et al., 2016).

2.3.3 Masjid sebagai Pusat Kegiatan Sosial

Di zaman awal Islam, masjid juga berfungsi sebagai tempat menerima zakat seperti zakat fitrah, *jizyah*, *kharaj*, *ghanimah*, dan *fa'*. Di samping itu, perang atau *ghanimah* diberikan di masjid untuk mendekatkan masyarakat dengan masjid. Masjid juga berfungsi sebagai tempat bagi umat Islam untuk bertemu, berbual dan tolong-menolong. Apabila bencana berlaku, masjid digunakan untuk mengucapkan takziah kepada orang Islam. Selain itu, Rasulullah s.a.w. pernah melakukan upacara pernikahan di masjid dan mengisytiharkan perkahwinan (Ismail Mustari & Azmi Jasmi, 2008).

3.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen. Data primer dan sekunder digunakan sebagai kaedah kajian untuk mendapatkan maklumat dalam proses pengumpulan data melalui analisis dokumen. Al-Qur'an dan al-Hadith adalah contoh sumber penting. Analisis sekunder, sebaliknya, melibatkan penggunaan bahan yang telah diterbitkan, seperti buku, jurnal, artikel, laman sesawang berita dan kajian terdahulu untuk mengkaji isu yang ingin diketengahkan. Oleh itu, bagi mendapatkan data yang tepat dan jelas, analisis kandungan dan dokumen dilakukan bagi mencapai objektif kajian.

4.0 Dapatan dan Perbincangan

4.1 Hubungan Antara Asnaf *al-riqāb* dan Peranan Masjid

Mengikut pandangan penulis, golongan asnaf *al-riqāb* seperti penagih dadah, orang yang telah berzina, melahirkan anak tanpa ikatan sah, golongan LGBT atau orang yang mempunyai masalah akidah ini hanya perlu dipulihkan di suatu tempat khas.

Di Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menempatkan khas bagi pesalah masalah sosial iaitu di Baitul Ehsan dan Baitul Islah (Munawaroh Zailani et al., 2023). Sementara itu, bagi pesalah masalah akidah di tempatkan di Baitul Iman iaitu pusat pemulihan akidah di Selangor (Fairouz Mohamed Fathillah et al., 2023). Hal ini kerana MAIS menggalas tanggungjawab untuk membantu membimbing asnaf *al-riqāb* agar mereka kembali bertaubat dan menjadi mukmin yang direndhai Allah (Mokhtar et al., 2021).

Masjid merupakan sebuah platform berwibawa untuk dijadikan pusat rujukan bagi mendepani isu berkaitan permasalahan masyarakat yang rencam (Abd. Majid et al., 2021). Oleh itu, masjid berperanan penting dalam membantu proses pemulihan mereka di samping usaha yang dilaksanakan kerajaan.

4.2 Peranan Masjid dalam Menyantuni Asnaf *al-riqāb*

Terdapat beberapa peranan masjid yang dikemukakan dalam makalah ini untuk menyantuni asnaf *al-riqāb*. Antaranya ialah:

4.2.1 Masjid sebagai Pusat Dakwah kepada Asnaf *al-riqāb*

Sebagaimana ditafsirkan di Negeri Selangor, asnaf *al-riqāb* ialah golongan yang terbelenggu dengan masalah sosial dan masalah akidah. Justeru, mereka seharusnya mendapat dakwah dan ajakan *amal makruf nahi mungkar* daripada institusi masjid. Ini kerana masjid merupakan pusat dakwah menerusi khutbah Jumaat, kelas pengajian, ceramah dan penyebaran bahan bercetak yang dapat membentuk jiwa manusia dan memperadabkan mereka (Ismail Mustari & Azmi Jasmi, 2008).

Selain daripada dakwah secara lisan, masjid juga boleh mempelbagaikan cara berdakwah. Antaranya ialah dengan mengadakan aktiviti *in door* seperti taranum al-Quran, seni khat, khemah ibadah, bengkel akademik, kem motivasi, kembimbingan tahfiz al-Quran, usrah, qiamulail, diskusi buku, seminar pengurusan jenazah dan kursus sembelihan mengikut syarak. Manakala aktiviti *outdoor* seperti bola sepak, futsal, street soccer, bola jaring, badminton, bola tampar, sepak takraw, ping pong, berkayak, perkhemahan dan relah di masjid, *team building*, *barbeque*, ekspedisi mendaki gunung, *jungle tracking*, khidmat ummah dan program mencuci masjid, khidmat ummah masyarakat muallaf orang asli, ziarah mahabbah ke rumah kebajikan dan anak-anak yatim (Mohamad Saleh, 2018). Hal ini dapat menarik minat golongan *al-riqāb* khususnya mereka yang masih remaja. Menurut Mohamad Saleh (2018), apabila mereka suka dan seronok dengan aktiviti *in door* dan *out door*, mereka akan mudah untuk terpaut kepada masjid.

Seterusnya, menurut Mohamad Saleh (2019), terdapat sembilan golongan masyarakat yang sememangnya ada di kariah sesebuah masjid. Golongan tersebut ialah kanak-kanak, remaja, warga emas, wanita, orang kelainan upaya, musafir, gelandangan, transgender dan individu non-muslim. Golongan ini terdapat asnaf *al-riqāb* iaitu transgender dan remaja yang mungkin terjebak dengan masalah sosial. Oleh itu, ahli jawatankuasa masjid dan ahli jemaah yang kerap ke masjid perlu terlebih dahulu memiliki sifat dan sikap mesra antara satu sama lain yakni jemaah mesra ummah. Kemesraan yang terjalin di kalangan jemaah masjid akan memudahkan mereka menyambut dengan mesra golongan ini semasa berada di masjid dan seterusnya memudahkan mereka membina hubungan ukhuwah yang baik dan mesra dengan mereka (Ashaari & Mokhtar, 2018). Hal ini secara tidak langsung menarik minat golongan asnaf *al-riqāb* untuk berubah menjadi insan yang diredhai Allah S.W.T.

4.2.2 Masjid sebagai Lokalisasi Pengagihan Zakat kepada Asnaf *al-riqāb*

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 14 Jun 2011 telah memutuskan bahawa penerima agihan asnaf *al-riqāb* ialah golongan yang menghadapi masalah sosial dan masalah akhlak, sebagaimana diwartakan dalam fatwa iaitu : "Hukum penggunaan wang zakat asnaf *al-riqāb* bagi mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial dalam menjamin akidah umat Islam agar kembali ke pangkal jalan adalah diharuskan." (Azman Ab Rahman et al., 2016).

Namun begitu, menurut Wahid et al. (2009), pengagihan zakat tidak memuaskan majoriti responden yang ditadbir oleh institusi zakat. Salah satu sebab yang dikaji adalah kerana bentuk pengagihan zakat yang tidak jelas, isu dengan maklumat yang tidak lengkap mengenai pengagihan, pengagihan yang tidak lengkap mengikut asnaf, dan pengagihan wang yang tidak mencukupi. Ini dapat memberi kesan negatif kerana

pembayar zakat berkemungkinan membayar kepada asnaf secara langsung dan bukannya melalui institusi zakat formal.

Oleh itu, penulis mendapati bahawa masjid berperanan penting sebagai lokalisasi dalam pengagihan zakat kepada asnaf *al-riqāb*. Hal ini kerana pengurusan zakat harus dilaksanakan di masjid terutamanya Masjid Jami', yang mewakili sesuatu mukim kerana luasnya dan jemaah yang ramai dan bertindak sebagai institusi penting dalam komuniti Islam. Program yang dilaksanakan oleh pusat zakat di masjid juga secara tidak langsung bertujuan untuk memberi peringatan dan nasihat agama kepada asnaf agar mereka sentiasa bersyukur kepada Allah SWT dan berusaha untuk meningkatkan ekonomi mereka sendiri, walaupun matlamat utama program adalah untuk memastikan bahawa asnaf mengambil bantuan zakat (Abas et al., 2018).

4.2.3 Masjid sebagai Tempat Rujukan dan Bimbingan Kaunseling kepada Asnaf *al-riqāb*

Golongan asnaf *al-riqāb* ini cenderung untuk mempunyai masalah keadaan mental yang tidak stabil. Menurut Abd Majid et al. (2019), remaja yang hamil tanpa nikah berisiko tinggi untuk mengalami masalah mental seperti kemurungan, tekanan dan stress untuk menjadi ibu bapa di sampai kurang mendapat sokongan daripada keluarga dan masyarakat. Selain itu, Surya Raj & Nasrudin Subhi (2024) mendapati bahawa terdapat korelasi signifikan yang positif antara kesunyian dengan golongan LGBT. Hal ini kerana mereka rasa dipinggirkan. Oleh itu, mereka elak melakukan aktiviti sosial kerana takut dengan diskriminasi oleh masyarakat. Justeru, penulis mendapati bahawa masjid berperanan penting sebagai tempat rujukan dan bimbingan kaunseling kepada golongan asnaf *al-riqāb* ini.

Masjid dapat berfungsi sebagai pusat kaunseling untuk menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi oleh masyarakat Islam pada masa kini. Imam, bilal dan jawatankuasa masjid boleh menawarkan khidmat kaunseling kepada orang ramai yang menghadapi pelbagai masalah, terutamanya masyarakat Islam hari ini yang penuh dengan cabaran dalam menjalani kehidupan seharian (Azlina et al., 2016) Penulis berpendapat bahawa sebelum mereka diserahkan kepada pihak berautoriti, masjid dapat menjadi 'tangga' awal untuk membantu asnaf *al-riqāb* ini agar dapat menyelesaikan kemelut psikologi yang melanda mereka.

4.2.4 Masjid sebagai Penghubung Asnaf *al-riqāb* dengan Pihak Berautoriti

Masjid merupakan *landmark* kepada sebuah pemandaran yang menjadi jantung kebudayaan dan nadi peradaban serta sebagai nukleus dalam kehidupan manusia (Jamaludin, 2023). Oleh itu, masjid seringkali menjadi tempat rujukan masyarakat untuk mencari solusi bagi masalah-masalah yang dihadapi masyarakat (Azlina et al., 2016) Hal ini dapat membantu golongan asnaf *al-riqāb* apabila mereka hadir ke masjid untuk mendapatkan khidmat nasihat atau saranan daripada pihak masjid.

Masjid boleh menjadi penghubung antara asnaf *al-riqāb* dengan pihak berautoriti seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk mendapatkan perkhidmatan pemulihan di tempat-tempat khas yang mereka sediakan. Antaranya seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) serta kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan memberi perlindungan atau pemulihan bagi membantu golongan asnaf *al-riqāb* tersebut (Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), 2019). Justeru, masjid

boleh dijadikan agen yang membantu asnaf *al-riqāb* dan menghubungi pihak berautoriti ini untuk mengambil tindakan selanjutnya.

4.3 Kepentingan Menyantuni Asnaf *al-riqāb* di Masjid

Masjid yang menyantuni asnaf *al-riqāb* mempunyai kepentingan yang signifikan baik daripada aspek agama dan sosial. Antara kepentingannya ialah:

4.3.1 Mewujudkan Keadilan Sosial

Agama Islam ialah sebuah agama yang adil yang bukan sahaja mementingkan pelaksanaan keadilan tetapi turut menuntut umat Islam agar sentiasa berlaku adil. Hal ini dirakamkan dalam surah An-Nisa [4]:135

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ ۚ إِنَّ يَكُنْ عَيْنًا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىَٰ أَنْ تَعْدِلُوا ۗ وَإِنْ تَلَوَّآ أَوْ تَعْرَضُوا فَأِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٣٥﴾

Bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu penegak keadilan, menjadi saksi karena Allah, walaupun terhadap dirimu sendiri atau terhadap ibu bapak dan kaum kerabatmu. Jika dia (yang terdakwa) kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatan (kebaikannya). Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu karena ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutarbalikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka ketahuilah Allah Mahateliti terhadap segala apa yang kamu kerjakan.”

Sekiranya masjid menyantuni asnaf *al-riqāb*, hal ini secara tidak langsung dapat mewujudkan keadilan sosial. Keadilan sosial ialah apabila seseorang individu diberikan hak sepatutnya dan seadilnya kerana setiap seseorang berhak ke atas sesuatu. Justeru, ia merupakan keadilan baginya setelah perkara tersebut dilunaskan (Hatib et al., n.d.).

4.3.2 Mengatasi Masalah Sosial

Pemeriksaan peranan masjid terutamanya dalam menyantuni asnaf *al-riqāb* dapat mengatasi masalah sosial. Hal ini kerana dengan pengisian dan program-program yang menarik dapat menarik minat remaja dan dewasa untuk hadir mengimarahkan masjid (Halim Tamuri, 2021). Aktiviti menarik seperti aktiviti *in door* dan *outdoor* wajar dilakukan agar hati mereka terpaut dengan masjid dan mudah untuk mengikuti majlis-majlis agama yang dianjurkan oleh masjid (Mohamad Saleh, 2018). Justeru, dapat membantu asnaf *al-riqāb* agar mereka dapat membebaskan ikatan masalah sosial yang membelenggu mereka.

4.3.3 Meningkatkan Peranan Masjid dalam Kehidupan Masyarakat

Tindakan masjid dalam menyantuni asnaf *al-riqāb* dapat meningkatkan peranan masjid dalam kehidupan masyarakat. Selain daripada menjadi pusat beribadah dan dakwah,

masjid dapat juga menjadi *one-stop center* untuk membantu asnaf *al-riqāb* agar bebas daripada masalah sosial dan masalah akidah. Hal ini kerana masjid merupakan pusat dan nadi kepada kegiatan masyarakat setempat yang berperanan luas dan tidak hanya tertumpu kepada aspek pelaksanaan ibadah sahaja (Bazli Md Radzi et al., 2023).

4.4 Cabaran dalam Menyantuni Asnaf *al-riqāb* di Masjid

Walaupun masjid berperanan penting dalam menyantuni asnaf *al-riqāb* sebagaimana yang telah dijelaskan, namun terdapat cabaran yang dihadapi oleh pihak masjid untuk merealisasikan untuk menyantuni mereka. Antaranya ialah seperti berikut:

4.4.1 Masjid Dipotret sebagai Ruang Menindas

Permusuhan dalam Islam tradisional terhadap homoseksualiti dan keanehan, serta wacana dominan yang melihat Muslim *queer* sebagai tercemar oleh budaya Barat, dan seterusnya mencemarkan budayanya sendiri melalui hubungan seksual sedemikian menyukarkan Muslim *queer* untuk mengakses masjid dengan mudah dan aman. Mereka tidak dapat berbuat demikian tanpa meninggalkan identiti seksual mereka di pintu dan menyembunyikan sebarang ciri-ciri fizikal dan tingkah laku yang menunjukkan keanehan atau perbezaan dari ciri-ciri fizikal dan tingkah laku dominan. Oleh itu, sebilangan Muslim *queer* mempunyai perasaan negatif terhadap masjid tradisional (Rasha el-Sherif, 2019).

Dalam satu siri wawancara yang dijalankan oleh Amna Khalid dengan Muslim *queer* di UK dan Amerika Utara, kebanyakan peserta “menolak masjid sebagai ruang spiritual” dan lebih suka tidak kerap untuk ke sana. Ini kerana mereka menganggap masjid tradisional sebagai ruang yang menindas di mana mereka lazimnya diperiksa, di bawah pengawasan, dan dihakimi oleh anggota lain jika mereka tidak mematuhi “sejenis identiti dan persembahan awam tertentu”. Hal ini menyebabkan ramai Muslim *queer* dan heteroseksual yang menyokong mereka dengan tiga pilihan: hidup secara tersembunyi sebagai Muslim *queer* atau liberal, yang mana sesetengah Muslim *queer* atau liberal tidak kisah, meninggalkan agama, atau berjuang untuk hak untuk hidup secara terbuka sebagai Muslim *queer* atau liberal (Yip & Khalid, 2012).

4.4.2 Kurang Penerimaan Masyarakat terhadap Asnaf *al-riqāb* ke Masjid

Masalah sosial seperti penagih dadah, orang yang telah berzina, melahirkan anak tanpa ikatan sah, golongan LGBT, melakukan jenayah syariah (tidak solat, tidak puasa dan sebagainya) dianggap suatu tindakan yang melanggar norma-norma yang wujud dalam masyarakat. Ia ditafsirkan sebagai fenomena yang tidak digemari oleh masyarakat dan perlu dibasmi, diselesai atau diperbaiki oleh semua pihak (Abd Wahab, 2004)

Menurut Fadi & Azeharie (2020), dalam kajiannya menjelaskan bahawa terdapat seorang informannya yang merupakan seorang penduduk kampung mengatakan bahawa beliau tidak selesa apabila individu transgender mengikuti beribadah di masjid kerana memandangkan hakikat individu tersebut yang asalnya lelaki tetapi mengikuti ibadah di tempat orang perempuan. Beliau turut menerangkan bahawa warga kampungnya tidak menerima kehadiran individu transgender tersebut di masjid kerana memberi kesan yang negatif terutamanya apabila memakai pakaian yang mencolok mata.

Selain itu, menurut Wahab et al. (2013), hasil kajiannya menunjukkan bahawa terdapat individu yang mengalami kecelaruan identiti jantina diberi layanan yang kurang baik, tidak dihormati dan dihargai, diejek, diambil kesempatan dan diperkecilkan kemampuan mereka. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi kesan psikologi kepada asnaf *al-riqāb* dan tidak membantu agar mereka bebas daripada terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah.

4.4.3 Kekurangan Dana Kewangan

Pengurusan kewangan yang cekap penting untuk menjayakan aktiviti pengimarah masjid sekaligus menarik minat kanak-kanak sehingga dewasa untuk berkunjung ke masjid. Sekiranya pengurusan kewangan tidak cekap, hasilnya pasti memberi kesan kepada masyarakat sekelilingnya.

Menurut Ashaari & Mokhtar (2018), informan dalam kajiannya menyatakan bahawa kebanyakan masjid tidak mempunyai sumber pendapatan yang mencukupi untuk membelanjakan untuk program dan aktiviti atau membayar elaun kakitangan. Sumber yang terhad berbanding keperluan dapat menjejaskan pelaksanaan aktiviti pengimarah masjid.

Selain itu, menurut Yahya et al. (2014), kajian mereka menunjukkan masalah utama yang dihadapi oleh institusi masjid adalah berkaitan dengan kos perbelanjaan masjid yang tinggi. Selain itu, masalah ketidakcekapan pengurusan kewangan dalam kalangan ahli jawatankuasa (AJK) masjid juga menyumbang kepada masalah tadbir urus kewangan masjid. Ini disebabkan sebahagian besar daripada AJK yang menguruskan kewangan masjid agak berusia iaitu melebihi 55 tahun dan kurang berupaya melaksanakan tanggungjawab dengan efisien. Menurut Mohd Yahya lagi, walaupun sebahagian daripada AJK masjid pernah mengikuti kursus pengurusan kewangan, namun faktor umur dan tahap pendidikan yang rendah menjadi penghalang kepada perancangan pelaksanaan aktiviti masjid yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat. Hal ini secara tidak langsung perkara ini memberi kesan kepada masjid yang ingin menyantuni asnaf *al-riqāb*.

5.0 Penutup

Sebagai kesimpulan, peranan masjid bukan sahaja terhad sebagai tempat beribadah, tetapi juga sebagai pusat pendidikan, penajaan ekonomi, rujukan, dan kegiatan sosial. Selain itu, dalam konteks asnaf *al-riqāb*, masjid berperanan sebagai pusat dakwah, lokalisasi pengagihan zakat dan tempat rujukan serta bimbingan kauseling. Keberkesanan masjid dalam menjalankan fungsi-fungsi ini memerlukan kerjasama yang erat antara pihak pengurusan masjid, komuniti setempat, serta pihak berkuasa. Peningkatan peranan masjid akan dapat memperkukuhkan lagi integrasi sosial, ekonomi, dan pendidikan dalam masyarakat Islam, sekali gus menyumbang kepada pembentukan ummah yang berwawasan dan dinamik. Diharapkan kajian ini dapat memberikan panduan dan inspirasi kepada pihak berkepentingan dalam mengoptimalkan peranan masjid terhadap asnaf *al-riqāb*.

Penghargaan

Sekalung penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS) 2023. Kod Penyelidikan: SUK/GPNS/2023/TSE/04, Universiti Islam Selangor yang bertajuk Sistem Pengurusan Kualiti Islam Pengajian Akidah di Pusat Pemulihan, Negeri Selangor.

Rujukan

- Abas, N. F., Wahid, H., & Mohd Noor, M. A. (2018). Persepsi Asnaf Terhadap Tadbir Urus Zakat serta Peranan Masjid: Kajian terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS) Cyberjaya. In H. Wahid & M. A. Moh Noor (Eds.), *Pengurusan Zakat di Malaysia Isu dan Cabaran Kontemporari* (1st ed.). Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Abbas. Altaf. (2019). *The Role Of The Mosque As Community Center: A Social Sustainable Approach* [Degree of Master of Science in Urban Design and Architecture of Muslim Societies]. Hamad bin Khalifa University.
- Abd. Majid, M., Awang, N., Hj Aini, Z., & Opir, H. Bin. (2021). Pelan Strategik Pengupayaan Peranan Institusi Masjid Sebagai Pusat Tumpuan Komuniti. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1(2), 21–37. <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v1i2.59>
- Abd Majid, M., Zafirah Azman, N., & Izzah Mohd Yani, N. (2019). Faktor Penglibatan Remaja Dalam Salah Laku Seksual: Kajian Terhadap Remaja Hamil Luar Nikah Di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2). http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747
- Abd Wahab, H. (2004). Masalah Sosial Di Bandar Masalah Sosial Di Bandar Semenanjung Malaysia: Tinjauan Daripada Perspektif Masyarakat Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies*, 9.
- Al-Akiti, M. A., Bin Ahamad, C. M., Bin Jusoh, C. R., Bin Mamat, I., Bin Elias @ Mayah, A., Bin Mohd Sobri, M. H., Binti Borhan, L., Bin Abdul Jalil, M. N., Binti Samsudin, S., Bin Alias, M., Bin Abd Rahman, S., Bin Abdul Manan, K., Bin Mohd Ismail, K., & Bin Ishak, M. H. (2021). The Role of Mosque Committee in Empowering Mosque's Educational Programmes: Case Study of Mosques in Gombak District, Malaysia (Peranan Ahli Jawatankuasa Masjid dalam Penambahbaikan Program Pendidikan Masjid: Kajian Kes bagi Masjid-Masjid di Daerah Gombak). *Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077)*, 18(3), 165–187. <https://doi.org/10.31436/jia.v18i3.1058>
- Ashaari, M. F., & Mokhtar, F. (2018). Pandangan Imam dan Pentadbir masjid tentang kehadiran masyarakat ke masjid (The View of Imam and Management of Mosques on the Community Attendance to the Mosque). *Jurnal Hadhari*, 10(2). <https://journalarticle.ukm.my/12489/1/28944-88398-2-PB.pdf>
- ASP Yaqub AlHassan. (2015). *Mosque Management and Its Roles in Muslim Worship* (2nd ed.). The Great Wassalam Global Ventures.
- Azlina, N., Wahab, A., Hamid, N. A., Che, N., Pengajian, M. A., & Kontemporari, I. (2016a). Pemerkasaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. In *Academia Journal UiTMT* (Vol. 5). <http://journale-academiauitmt.edu.my/>

- Azlina, N., Wahab, A., Hamid, N. A., Che, N., Pengajian, M. A., & Kontemporari, I. (2016b). *Pemeriksaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari*. In *Academia Journal UITMT* (Vol. 5). <http://journale-academiauitmt.edu.my/>
- Azman Ab Rahman, Arief Salleh Rosman, Ahmad Wifaq Mokhtar, Mohd Nasir Abdul Majid, Ahmad Najaa' Mokhtar, & Muhamad Firdaus Ab Rahman. (2016). *Kedudukan Asnaf Ar-Riqab sebagai Penerima Zakat di Malaysia* (1st ed.). Penerbit USIM & Majlis Agama Islam Selangor.
- Baru, R. Bin, Hashim, J., Abdullah, W. F. H. W., Rashid, R. A., & Salleh, F. B. (2011). Congregation perception towards the roles and responsibilities of the mosque imams in Terengganu Malaysia. *Asian Social Science*, 7(12), 258–264. <https://doi.org/10.5539/ass.v7n12p258>
- Bazli Md Radzi, M., Edawaty Yaacob, S., & Alisa Ahmad, A. (2023). Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu Sorotan Literatur | Mosques as an Alternative for Local Community Economic Development: A Literature Review. *Journal Of Contemporary Islamic Law*, 8(1), 36–41. <https://doi.org/10.26475/jcil.2023.8.1.05>
- Fadi, V., & Azeharie, S. S. (2020). Persepsi Masyarakat Terhadap Kelompok Waria Pesantren. *Koneksi*, 4(1). <https://www.who.int/bulletin/volumes/96/1/17-197251/en/>
- Fairooz Mohamed Fathillah, M., Yosef Niteh, M., Basir, A., Shairawi Mohd Noor, M., & Fakhur Razi Shahabudin, M. (2023). Amalan Istitabah Dalam Pelaksanaan Pemulihan Akidah Di Malaysia The Practice Of Istitabah In Implementation Of Akidah Convalescence In Malaysia. *Bilangan*, 16(1), 1–8.
- Halim Tamuri, Ab. (2021). Konsep Dan Pelaksanaan Fungsi Masjid Dalam Memartabatkan Masyarakat. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*, 1(1), 1–12. <http://almimbar.kuis.edu.my>
- Hatib, M., Siti, I. *, & Jasni, R. (n.d.). *Keadilan Sosial dalam Sistem Masyarakat Menurut Mustafa Al-Siba'i Social Justice in Society System According to Mustafa Al-Siba'i*. Retrieved June 13, 2024, from <https://www.ukm.my/ijrah/wp-content/uploads/2023/07/IJRAH-02-PG-48-59-Keadilan-Sosial-Dalam-Sistem-Masyarakat-Menurut-Mustafa-Al-Sibai.Pdf>
- Ismail Mustari, M., & Azmi Jasmi, K. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari* (M. I. Mustari & K. A. Jasmi, Eds.; 1st ed.). Universiti Teknologi Malaysia (UTM). <https://www.researchgate.net/publication/293097552>
- Jamaludin, M. H. (2023, March 3). *Masjid sebagai Pusat Kota Madani*. Astro Awani.
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2019). Artikel-Khas-Bil.17.2019-Santuni-Golongan-Asnaf-Riqab. *Sinar Harian*, 25.
- Mohamad Saleh, M. S. (2018). Aktiviti In Door serta Outdoor Masjid dan Remaja Muslim - Isu dan Cabaran. In G. Zainuddin, S. Samsudin, & M. S. Mohamad Saleh (Eds.), *E-Book of Masjid, Zakat & Waqf 2018* (2018th ed.). Masjid AL-Azhar, KUIS.
- Mohamad Saleh, M. S. (2019). Pengimarahannya Masjid: Masjid Mesra Ummah - Isu dan Cabaran. *E-Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management*, 978–967.
- Mokhtar, A., Yusuf Marlon Abdullah, M., Hakim Arshad, M., & Amalina Binti Nordin, N. (2021). Bahagian Pemulihan Al-Riqāb : Peranan Dan Cabarannya Dalam Menyantuni Komuniti Lgbt Al-Riqāb Recovery Department: Roles And Challenges In Dealing With Lesbian, Gay, Bisexual And Transgender Community. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 218–230.
- Munawaroh Zailani, F., Faisal Ashaari, M., Hanin Hamjah, S., Kajian Dakwah dan Kepimpinan, P., Pengajian Islam, F., & dan Kepimpinan, D. (2023). Pelaksanaan

- Modul Transformasi Ehsan di Rumah Pemulihan MAIS (Baitul Ehsan dan Baitul Iman) [Implementation of "Transformasi Ehsan" Module at MAIS' Rehabilitation Home (Baitul Ehsan and Baitul Iman)]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(3), 129–145. <http://www.bitarajournal.com>
- Rasha el-Sherif. (2019). *Ibn Rushd-Goethe Mosque* [Degree of Master of Philosophy in Gender Studies, University of Oslo]. <http://www.duo.uio.no/>
- Rifa, A. (2016). Revitalisasi Fungsi Masjid Dalam Kehidupan Masyarakat Modern. *Universum*, 10(2), 155–163.
- Rosele, M. I., Abdullah, L., & Ahmad Nadzri, A. (2021). Perluasan Konsep Al-Riqāb Dalam Pengurusan Zakat: Satu Penilaian Fiqh. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 15, 17–24.
- Surya Raj, & Nasrudin Subhi. (2024). *Hubungan Stres Minoriti Dengan Kesunyian Dalam Kalangan LGBT Dewasa Di Malaysia Relationship Between Minority Stress And Loneliness Among LGBT Adults In Malaysia*. 8(2), 1–14.
- Usman, I. (2020). Revitalizing the Role and Function of the Mosque as a Center for Da'wah Activities and Community Development. *Jurnal Hukum Keluarga Dan Hukum Islam*, 4(1), 1–23. <http://jurnal.arraniry.ac.id/index.php/samarah>
- Wahab, H. A., Abu Bakar, S. H., Azman, Z., & Zakaria, E. (n.d.). *Reaksi Masyarakat Dan Tindak Balas Individu Yang Mengalami Masalah Kecelaruhan Identiti Jantina*. Retrieved June 13, 2024, from https://www.academia.edu/76038520/Reaksi_Masyarakat_dan_Tindak_Balas_Individu_yang_Mengalami_Masalah_Kecelaruhan_Identiti_Jantina
- Wahid, H., Ahmad, S., & Kader, R. A. (2009). Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? In *Jurnal Syariah, Jil. 17, Bil* (Vol. 1, Issue 1).
- Yahya, M., Muhammad, F., Abdul Razak, A., & Fadly Habidin, N. (2014). Analisis Eksploratori Dana Masjid Di Negeri Perak* Exploratory Analysis on Mosque Fund in Perak. *Jurnal Syariah*, 22(1). <https://www.researchgate.net/publication/264699652>
- Yip, A. K. T., & Khalid, A. (2012). Looking for Allah: Spiritual Quests of Queer Muslims. In *Queer Spiritual Spaces* (1st ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315603247-4>
- Yusuf, M., Mariam, M., & Nursyafiq, B. (2017). Kepentingan Masjid Dan Peranannya Terhadap Dakwah Islamiah Dalam Kalangan Muallaf Di Malaysia. In N. Salleh & S. Sudi (Eds.), *Seminar Antarabangsa Penyelidikan Sirah Nabawi & Pemikiran (ISRA')*. Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam (FPPI), KUIS. <https://conference.uis.edu.my/isra/eprosiding/pdf/012-ISRA-2017.pdf>